

AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axcel Chlorpheniramine Tablet.
2. Bagaimana Axcel Chlorpheniramine Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Chlorpheniramine Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Chlorpheniramine Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Chlorpheniramine Tablet.
6. Kesan-sampungan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Chlorpheniramine Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Axcel Chlorpheniramine Tablet digunakan dalam rawatan alergi termasuk:

- Demam yang diakibatkan oleh debuan
- Urtikaria (Ruam gatal yang timbul akibat tindak balas alahan)
- Angioedema (kebengkakan pada kulit)
- Vasomotor rhinitis (radang pada membran di dalam hidung)
- Alergi
- Ekzema
- Atopic dan dermatitis sentuhan (radang kulit)
- Reaksi ubatan dan serum
- Gigitan serangga
- Kegatalan.

BAGAIMANA AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET BERFUNGSI

Histamina adalah sejenis bahan yang dihasilkan oleh badan yang terikat dengan reseptor H1 sebagai sebahagian daripada tindakan sistem pertahanan badan. Ikatan antara histamina dan reseptor H1 menghasilkan tindak balas alergi. Chlorpheniramine Maleate menghalang tindakan histamina dengan menyekat histamina dari terikat dengan reseptor H1.

Walaubagaimanapun, ia tidak menghalang penghasilan histamine. Penentangan ini bersaing dan berbalik.

SEBELUM MENGAMBIL AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada antihistamina.
- Jika anda mengandung, menyusukan bayi, bayi baru lahir atau bayi pra-matang.

Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Chlorpheniramine Tablet anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai glaukoma sudut sempit (sakit mata), sejarah asma bronkus, hipertiroid (kelenjar tiroid terlalu aktif), penyakit kardiovaskular, dan hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat).

Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- Ubatan ototoksik (ubat yang boleh merosakkan telinga) seperti antibiotik aminoglikosida.
- Depresi Sistem Saraf Pusat seperti alkohol, barbiturat, ubat pelena, narkotik analgesik, sedatif dan ubat penenang.
- Perencat Monoamine oxidase.

CARA MENGGUNAKAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja

Dewasa: 1 tablet 3 atau 4 kali sehari. Kanak-kanak 6-12 tahun: $\frac{1}{2}$ tablet (2mg) 3-4 kali sehari.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Chlorpheniramine Tablet.

Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Chlorpheniramine Tablet mungkin akan memberikan kesan sampungan yang merbahaya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom-simptom terlebih dos:

- Keterujaan, terutamanya pada kanak-kanak.
- Konvulsi.
- Tekanan darah rendah yang teruk.

Anda dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda mengambil Axcel Chlorpheniramine Tablet berlebihan.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mestui dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain tanpa diduga.
- Ambil Axcel Chlorpheniramine Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampungan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Chlorpheniramine Tablet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebiki dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.

AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

KESAN- KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Chlorpheniramine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan yang paling biasa adalah sedasi, yang berbeza-beza dari mengantuk ke tidur yang nyenyak, dan termasuk ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian, kelesuan, pening, hipotensi (tekanan darah rendah), kelemahan otot dan ketakselarasan otot. Kesan sedatif, apabila ia berlaku mungkin berkurangan selepas beberapa hari.

Kesan sampingan yang lain termasuk gangguan gastrousus seperti loya, muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit perut, dan sakit epigastrik. Ia juga boleh menyebabkan sakit kepala, penglihatan kabur, tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berkerik), kegembiraan atau kemurungan, cepat marah, mimpi buruk, anoreksia (gangguan pemakanan), kesukaran dalam membuang air kecil, kekeringan mulut, sesak dada, kesemutan, berat dan kelemahan tangan. Ia mungkin meningkatkan kesan depresi sistem saraf pusat. Dos yang besar boleh mengakibatkan sawan dalam penyakit epilepsi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.

Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL CHLORPHENIRAMINE TABLET

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Chlorpheniramine Tablet daripada kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Chlorpheniramine Tablet berwarna oren, dwicembung, bulat mempunyai diameter 8mm dengan logo KOTRA pada satu permukaan dan satu permukaan lagi dicetak dengan satu garisan.

Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Chlorpheniramine Maleate

Bahan Tidak Aktif:

PVP K90, Corn Starch, Lactose Hydrous, Magnesium Stearate, dan Sunset Yellow.

Nombor MAL

MAL19880163A

PENGILANG DAN PEMEGANG

PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

02/10/2014

NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)021014/00026